

Sistem Pengurusan Bisnes Dalam Talian (Aaliff Empayar)

¹ Mohamad Fazlee bin Razak, ² Lizawati Mi Yusuf
^{1,2} Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
81310, Johor Bharu, Johor, Malaysia
{mohdfazleempm@gmail.com¹, lizawati@utm.my²}

Abstrak. Sistem pengurusan bisnes dalam talian Aaliff Empayar adalah sebuah sistem yang dibangunkan untuk membantu organisasi Aaliff Empayar untuk menjalankan perniagaan dalam talian dengan lebih mudah dan cepat. Operasi kerja yang dijalankan di Aaliff Empayar pada masa kini dilakukan secara manual dan memerlukan pekerja yang ramai. Keadaan ini menyebabkan kos meningkat kerana terpaksa mengupah lebih ramai pekerja untuk menguruskan pelanggan yang ramai. Selain itu, pengurusan kewangan oleh Aaliff Empayar adalah secara manual menggunakan buku panjar runcit. Kaedah ini sangat merbahaya kerana sesiapa sahaja boleh menukar atau mengubah kandungan pengurusan kewangan. Situasi ini boleh menyebabkan penyelewangan wang berlaku di Aaliff Empayar. Di samping itu, pekerja perlu menguruskan pembelian produk dari pelanggan secara manual dan perlu menjawab soalan daripada pelanggan. Hal ini menyebabkan pembaziran masa telah berlaku. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, sistem berasaskan web akan dibangunkan. Sistem yang dicadangkan ini dapat membantu Aaliff Empayar dalam pengurusan wang, penjana laporan kewangan setiap bulan, menguruskan pembelian produk daripada pelanggan dengan lebih cepat dan pantas. Selain itu, sistem yang akan dibangunkan mempunyai fungsi untuk menghantar notifikasi kepada pekerja apabila kuantiti produk telah mencapai had yang ditetapkan oleh pekerja untuk membuat tempahan produk kepada pembekal. Metodologi yang digunakan untuk membangunkan sistem ini ialah proses bersepadu rasional (RUP). Metodologi ini membahagikan pembangunan sistem kepada beberapa fasa. Melalui fasa-fasa tersebut, pembangun akan dapat mengenal pasti kesilapan dan kekurangan pada sistem. Kesimpulannya, sistem ini merupakan satu sistem yang dapat membantu pengguna dan pihak pentadbir Aaliff Empayar dalam mencapai matlamat dan menguruskan maklumat dengan mudah dan lancar.

Kata Kunci: Bisnes dalam talian, e-dagang, Aaliff Empayar

1 Pendahuluan

Perdagangan dalam talian atau bisnes melalui internet semakin popular di Malaysia. Ramai peniaga lebih menggemari bisnes melalui dalam talian kerana ia menjimatkan kos dari segi publisiti dan pemasaran. Di samping itu, ia juga mampu menjana pendapatan lumayan. Sembilan daripada sepuluh punca rezeki datangnya dari perniagaan, disebabkan itu jumlah peniaga di Malaysia kian bertambah hari demi hari. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh laman Suruhanjaya Syarikat Malaysia, jumlah syarikat dan perniagaan yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2016 sahaja telah mencapai 222,064 syarikat (Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 2016) Jumlah ini meningkat dari tahun ke tahun kerana kemajuan teknologi internet membantu peniaga untuk memulakan perniagaan mereka.

Ramai usahawan muda terutamanya pelajar universiti mencari duit sampingan dengan melakukan perniagaan dalam talian tetapi kebanyakan mereka berhenti separuh jalan kerana

mengalami kerugian. Menurut usahawan berjaya, Dr. Azizan Osman lima prinsip utama untuk berjaya dalam perniagaan adalah mentor, ilmu, sistem, tindakan dan impian (Azizan, 2015). Kebanyakan usahawan muda ini hanya mampu membuat bisnes secara kecil-kecilan kerana mereka tidak mempunyai satu sistem yang boleh membantu menguruskan perniagaan mereka. Mereka hanya melakukan perniagaan dalam jangkamasa pendek sahaja kerana mereka tidak tahu bagaimana cara untuk menguruskan kewangan dan perniagaan mereka secara teratur dan sistematik. Bisnes pada masa kini lebih mudah dan berisiko rendah dengan kehadiran teknologi yang semakin maju:

Jadual 1. Kepentingan Bisnes Dalam Talian

- .Kos yang rendah
- Berisiko rendah kerana tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli atau menyewa aset.
- Memberi peluang kepada peniaga untuk beroperasi 24 jam sehari
- Pelanggan bagi perniagaan dalam talian juga tidak terhad kepada kawasan setempat malahan mapu mencapai pelanggan di seluruh dunia.
- Peniaga tidak perlu memantau urusan tempahan sepanjang masa kerana Cuma perlu menyediakan sistem tempahan secara automatik.

2 Latar belakang Masalah

Golongan belia yang baru menceburi bidang perniagaan mempunyai kesukaran dalam menguruskan perniagaan kerana mereka tidak mempunyai modal yang besar, dan masih lagi tiada atau kurang pengalaman dan pengetahuan tentang perniagaan. Oleh hal yang demikian, kebanyakan perniagaan yang dipelopori oleh golongan belia banyak terkandas di pertengahan jalan. Perniagaan secara dalam talian sangat mementingkan publisiti dan pemasaran untuk mendapatkan jualan. Kebanyakan peniaga dalam talian tidak mempunyai laman sesawang bisnes mereka sendiri dan mereka lebih gemar melakukan publisiti dan pemasaran melalui laman peminat di Facebook dan Instagram.

Setelah melakukan publisiti dan pemasaran menerusi laman peminat di Facebook dan Instagram, pelanggan akan meminta peniaga untuk menghantar mesej peribadi kepada mereka tentang harga sesuatu produk. Pelanggan prospek yang memberikan maklum balas terhadap iklan yang telah dibuat oleh peniaga, kebanyakannya tidak terus membeli. Oleh kerana itu, peniaga akan melakukan tindakan susulan terhadap pelanggan prospek untuk mendapatkan jualan. Proses tindakan susulan kepada pelanggan selalunya dilakukan secara manual menggunakan aplikasi Whatsapp. Peniaga akan melayan setiap soalan dan mesej yang diterima. Proses manual ini akan memakan masa yang lama dan ianya tidak efisien jika melibatkan ramai pelanggan. Di samping itu, ianya juga kurang sesuai bagi peniaga belia yang hanya melakukan perniagaan secara sambilan di universiti.

Kesilapan peniaga yang sering mereka lakukan adalah mereka tidak menyimpan rekod pelanggan yang telah membeli produk mereka. Mereka lebih gemar mencari pelanggan baru yang memerlukan kos publisiti dan pemasaran. Mereka tidak mempunyai rekod pelanggan kerana tidak mempunyai platform yang sesuai untuk menyimpan data tersebut. Oleh itu, satu sistem pengurusan bisnes berasaskan web yang mempunyai pangkalan data dicadangkan untuk menangani permasalahan yang timbul. Diharapkan dengan adanya sistem itu nanti dapat

membantu peniaga kecil dalam menguruskan perniagaan mereka sama ada dari segi transaksi keluar dan masuk produk, atau aliran keluar dan masuk wang tunai. Di samping itu, diharapkan sistem itu juga mampu membantu dalam merekodkan semua maklumat pelanggan dengan lebih sistematik.

3 Cadangan Penyelesaian

Sistem yang telah dibangunkan ini bertujuan untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat pada sistem manual dan juga menambah fungsi-fungsi sistem mengikut keperluan organisasi. Sistem pengurusan ini melibatkan sistem notifikasi urusan jual beli, hebahan promosi melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS), kawalan inventori iaitu transaksi keluar dan masuk produk, serta pengurusan kewangan. Sistem notifikasi urusan urusan jual beli akan memudahkan prosedur operasi standard di organisasi Aaliff Empayar kerana sebelum ini proses tersebut hanya dilakukan secara manual melalui aplikasi Whatsapp. Prosedur operasi standard sebelum ini juga amat rumit kerana sering terjadi insiden terlepas pandang terutama ketika waktu puncak. Dengan kewujudan sistem notifikasi urusan jual beli ini akan membuatkan pasukan penjual akan lebih peka jika ada tempahan produk berlaku dan urusan tindakan susulan terhadap bakal pelanggan yang masih belum melakukan pembelian akan lebih mudah dilaksanakan.

Selain itu, sistem cadangan ini juga dilengkapi dengan sistem hebahan melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS). Sebelum ini, hebahan hanya dilakukan melalui aplikasi Whatsapp sahaja. Apabila ada sebarang promosi yang ingin dilakukan oleh organisasi, maka pasukan penjual akan menghantar hebahan promosi tersebut kepada semua pelanggan yang rekod mereka disimpan dalam pangkalan data satu persatu dan ianya memakan masa yang begitu lama dan memerlukan tenaga kerja yang begitu ramai. Aplikasi Whatsapp juga mempunyai peraturan spam, di mana pengguna yang menghantar mesej yang sama kepada ramai pengguna yang lain akan disekat daripada menggunakan aplikasi Whatsapp untuk jangka masa tertentu. Keadaan ini akan menyukarkan pasukan penjual kerana proses hebahan ini akan menjadi lambat sekiranya proses hebahan ini disekat untuk jangka masa tertentu. Oleh itu, hebahan melalui emel dan SMS merupakan satu penyelesaian kepada permasalahan yang timbul. Proses hebahan yang terdapat di dalam sistem cadangan ini hanya memerlukan sekali penghantaran dan ianya akan dihantar kepada semua pelanggan.

Di samping itu, kawalan inventori ke atas kuantiti produk dan transaksi keluar dan masuk juga dilaksanakan di dalam sistem cadangan ini. Kawalan inventori ini berfungsi untuk mengawal kuantiti produk yang masih ada supaya pasukan penjual tidak terlepas pandang akan kehabisan produk. Jika sesuatu produk telah habis, pasukan penjual akan mengemas kini maklumat produk berkenaan ke dalam sistem dan akan membuat tempahan produk yang baru dari pembekal. Kawalan inventori juga akan memudahkan akauntan membuat audit pada setiap bulan kerana rekod transaksi keluar masuk sudah ada dan ianya mengurangkan risiko produk hilang. Pengurusan kewangan juga diaplikasikan ke dalam sistem cadangan ini. Pengurusan kewangan ini akan memudahkan akauntan untuk membuat laporan kewangan pada setiap bulan dalam bentuk graf. Organisasi boleh membuat analisa dengan lebih terperinci tentang prestasi jualan pada setiap bulan dengan lebih mudah. Terdapat beberapa kepentingan ciri-ciri yang diaplikasikan dalam Sistem Pengurusan Bisnes dalam Talian Aaliff Empayar: (i) Notifikasi kuantiti jualan, (ii) Hebahan kuantiti melalui emel dan SMS, (iii) Inventori kawalan pengurusan kuantiti produk dan (iv) Pengurusan dan laporan kewangan.

2 Analisis Sistem Dan Reka Bentuk

2.1 Pengguna

Di dalam Sistem Pengurusan Aaliff Empayar ini mempunyai 4 jenis pengguna:

Jadual 2. Jenis Pengguna

Pengguna	Penerangan
Admin	Admin adalah seorang pelakon utama yang merupakan pentadbir yang mengendalikan keseluruhan sistem. Admin akan memastikan semua fungsi berfungsi dengan betul, dan segala macam masalah mengenai dengan perjalanan sistem ini dikendalikan
Staf	Staf adalah pekerja di Aaliff Empayar yang akan menguruskan pembelian produk dan mengawal inventori produk.
Akauntan	Akauntan adalah akauntan di Aaliff Empayar yang akan menguruskan pengurusan kewangan di Aaliff Empayar.
Pelanggan	Pelanggan adalah pelanggan Aaliff Empayar yang mencapai fungsi pembelian produk dan menghantar cadangan serta komen kepada staf

2.1 Fungsi Sistem

Untuk mencapai hasil yang dikehendaki dan memastikan bahawa iri-iri terbaik diaplikasikan dalam sistem, terdapat beberapa modul yang berbeza yang mengendalikan fungsi sistem tertentu.

Jadual 3. Fungsi Sistem


Fungsi	Penerangan
Daftar Masuk	Fungsi ini membenarkan pengguna untuk mendaftar masuk sebelum mencapai ke dalam sistem. Pengguna menggunakan Id pengguna yang unik dan kata lauluan.
Pendaftaran	Fungsi ini membenarkan pelanggan untuk mendaftarkan diri sebelum melakukan jual beli jika pelanggan masih belum berdaftar.
Profil Pengguna	Fungsi ini membenarkan pengguna untuk melihat profil sendiri..
Mengemaskini Profil	Fungsi ini membenarkan pengguna untuk mengemaskini profil.

Senarai Produk	Fungsi ini membenarkan pelanggan untuk melihat senarai produk
Borang pembelian produk	Fungsi ini membenarkan pelanggan mengisi maklumat yang diperlukan untuk meneruskan urusan jual beli.
Kawalan inventori produk	Fungsi ini membenarkan staf untuk melihat dan mengawal inventori produk
Tambah produk	Fungsi ini membenarkan staf untuk menambah produk ke dalam sistem.
Mengemaskini produk	Fungsi ini membenarkan staf untuk mengemaskini maklumat produk
Memadam produk	Fungsi ini membenarkan staf memadam produk.
Menguruskan pembelian pelanggan	Sistem ini membenarkan staf untuk mengesahkan pembelian daripada pelanggan.

2.3 Rekabentuk Sistem

Berikut adalah merupakan reka bentuk Sistem pengurusan Bisnes Dalam talian Aaliff Empayar.

List Product Page



Rajah 1. Laman utama

Customer Order Form

Caution! Please complete the form below

1.Purchase Detail

Product Name	Price	Description	Quantity
CMW Package A	40	2x180g + Postage (RM10)	10
CMW Package B	50	3x180g + Postage (RM5)	10
CMW Package C	75	5x180g + FREE Postage	10
CMW Package Promosi	30	1x180g + 1x50g + Postage (RM10)	10
Package Monster	55	3x180g + 1x50g + Postage (RM5)	10

Item 1:	CMW Package A	<input type="text" value="0"/>
Item 2:	CMW Package B	<input type="text" value="0"/>
Item 3:	CMW Package C	<input type="text" value="0"/>
Item 4:	CMW Pakej Promosi	<input type="text" value="0"/>
Item 5:	CMW Package Monster	<input type="text" value="0"/>

Rajah 2. Borang pembelian produk

Staff Dashboard

AALIFF

Product Order Email Message
Logged in as Admin

Manage Product Page

Productid	ProductName	Price	Quantity	Availability	Description	ProductPic	Edit
21	CMW Package A	40	10	10	2x180g + Postage (RM10)	~/picproduct/Pakej A.jpg	
22	CMW Package B	50	10	10	3x180g + Postage (RM5)	~/picproduct/Pakej B.jpg	
23	CMW Package C	75	10	10	5x180g + FREE Postage	~/picproduct/Pakej C.jpg	
24	CMW Package Promosi	30	10	10	1x180g + 1x50g + Postage (RM10)	~/picproduct/Pakej Promosi.jpg	
29	Package Monster	55	10	10	3x180g + 1x50g + Postage (RM5)	~/picproduct/Pakej Monster.jpg	

© 2017 Aaliff Employer - All Rights Reserved.

Rajah 3. Kawalan inventori produk

Choose File No file chosen

Item Details

Product Name:

Price:

Quantity:

Availability:

Description:

Product Picture:

3x180g + 1x50g + Postage (RM5) ~/picp

Rajah 4:Menambah produk

3 Kesimpulan

Kertas kerja ini menjelaskan pentingnya perniagaan dalam talian pada mas kini. Kami juga membincangkan masalah yang dihadapi oleh Aaliff Empayar dalam pengurusan bisnes dalam talian. Kami menerangkan fungsi-fungsi dan ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ini dengan menunjukkan reka bentuk dan antara muka sistem. Pada masa hadapan, kami mencadangkan ini dijana semula ke dalam aplikasi mudah alih untuk kemudahan dipertingkatkan, akses yang mudah dan semua pengalaman pengguna sekitar yang lebih baik.

Rujukan

1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia, (2016). <http://www.ssm.com.my/ms/statistik-jumlah-perniagaan-syarikat>
2. OnPay Solution, (2016). <https://onpay.my/>
3. Magnet Kekayaan &Kejayaan, (2013). Azizan Osman. <http://www.azizanosman.com/magnet/>
4. Lazada, (2016). <http://www.lazada.com.my/>
5. D'Herbs Holding (M) Sdn. Bhd, (2016). <http://www.deherbs.com.my/v1/>
6. A 2-layer model for the white-box testing of Web application (2004). <http://ieeexplore.ieee.org/abstract/document/>
7. The rational unified process: an introduction (2004). P Kruchten.